

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Selasa, 14 September 2021



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BAGI PERANGKAAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA

JULAI 2021

Pengeluaran getah Malaysia terus meningkat kepada 22.3 peratus pada Julai 2021

PUTRAJAYA, 14 September 2021 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Julai 2021**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, “Pengeluaran getah asli meningkat 22.3 peratus pada bulan Julai 2021 (47,473 tan metrik) berbanding pada bulan Jun tahun yang sama (38,807 tan metrik). Manakala pengeluaran tahunan meningkat 13.6 peratus berbanding 41,801 tan metrik bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Peningkatan pengeluaran ini disokong oleh pertumbuhan bulan ke bulan pengeluaran getah asli oleh sektor estet (2.1%) dan sektor pekebun kecil (24.8%). Manakala perbandingan tahun ke tahun, sektor kebun kecil kekal positif, iaitu 18.0 peratus, sebaliknya sektor estet menunjukkan pertumbuhan negatif 17.6 peratus”. Beliau menambah, sumbangan utama pengeluaran

getah asli di Malaysia adalah daripada sektor pekebun kecil (90.9%) berbanding sektor estet (9.1%).

Seiring dengan peningkatan pengeluaran ini, jumlah stok getah asli turut menunjukkan peningkatan 16.0 peratus pada Julai 2021 kepada 280,810 tan metrik berbanding 242,072 tan metrik pada Jun 2021.


Eksport getah asli Malaysia berjumlah 48,645 tan metrik pada bulan Julai 2021 meningkat 0.1 peratus berbanding bulan Jun 2021 (48,589 tan metrik). China kekal sebagai destinasi utama eksport iaitu 44.6 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Julai 2021 diikuti Amerika Syarikat (7.7%), Finland (5.0%), Turki (2.8%) dan Mesir (2.7%). Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, berkata, "Prestasi eksport produk getah negara disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub, benang getah dan kondom. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM3.9 billion pada Julai 2021, menurun sebanyak 39.9 peratus berbanding Jun 2021 (RM6.4 billion)".

Melihat kepada senario perbandingan harga purata bulanan, Lateks Pekat merekodkan penurunan sebanyak 12.4 peratus (Julai 2021: 494.38 sen sekilogram, Jun 2021: 564.62 sen sekilogram) dan getah cair sebanyak 18.5 peratus (Julai 2021: 546.94 sen sekilogram, Jun 2021: 671.47 sen sekilogram). Keadaan yang sama turut berlaku kepada jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) CV dan L masing-masing menurun 12.2 dan 12.3 peratus. Manakala harga bagi G.M.M lain menunjukkan peningkatan iaitu G.M.M. 5 (1.4%), G.M.M. GP (1.5%), G.M.M. 10 (1.5%) dan G.M.M. 20 (1.5%).


Perubahan harga di peringkat global seperti yang dilaporkan oleh *World Bank Commodity Price Data* menunjukkan harga bagi getah jenis TSR 20 dan SGP/MYS masing-masing menurun 0.4 peratus (daripada USD1.64/kg kepada USD1.63/kg) dan 12.0 peratus (daripada USD2.12/kg kepada USD1.87/kg). Sebaliknya harga minyak mentah meningkat dari 71.8 USD/bbl pada Jun 2021 kepada 73.3 USD/bbl pada Julai 2021. Manakala harga gas asli di Amerika Sayrikat turut meningkat dari 3.24 USD/mmbtu kepada 3.79 USD/mmbtu pada Julai 2021.

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Julai 2020, Jun – Julai 2021 ('000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Julai 2020, Jun – Julai 2021 ('000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

14 SEPTEMBER 2021

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, September 14th 2021



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
JULY 2021

**Malaysia rubber production
escalated to 22.3 per cent in July 2021**

PUTRAJAYA, September 14, 2021 – The Department of Statistics, Malaysia today released **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, July 2021**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Commenting on the report, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, said, "Natural rubber production showed an increase of 22.3 per cent in July 2021 (47,473 tonnes) as compared to June in the same year (38,807 tonnes). On an annual basis, the production increased by 13.6 per cent as against 41,801 tonnes in the same month of the preceding year. The increase in production was supported by month-on-month growth of natural rubber production by estates sector (2.1%) and smallholder sector (24.8%). Meanwhile, for year-on-year comparison, the smallholders sector remained positive at 18.0 per cent, whereas the estate sector showed a negative growth of 17.6 per cent". He added, contribution of natural rubber production in Malaysia was mainly from smallholders sector (90.9%) as compared to estates sector (9.1%).

In tandem with the increase in production, stocks of natural rubber was also inclined by 16.0 per cent in July 2021 to 280,810 tonnes as compared to 242,072 tonnes in June 2021.

Exports of Malaysia's natural rubber amounted to 48,645 tonnes in July 2021, rose by 0.1 per cent as against June 2021 (48,589 tonnes). The P.R. China remained as the main destination for natural rubber exports with a share of 44.6 per cent from total exports in July 2021 followed by U.S.A (7.7%), Finland (5.0%), Turkey (2.8%) and Egypt (2.7%). Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The performance at national level was contributed by natural rubber-based product such as gloves, tyre, tube, rubber thread and condom. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM3.9 billion in July 2021, a decrease of 39.9 per cent as compared to June 2021 (RM6.4 billion)".

The comparison of the average monthly price scenario showed that the Latex Concentrated recorded a decrease of 12.4 per cent (July 2021: 494.38 sen per kg, June 2021: 564.62 sen per kg) and field latex 18.5 per cent (July 2021: 546.94 sen per kg, June 2021: 671.47 sen per kg). A similar trend is also observed for Standard Malaysian Rubber (S.M.R) CV and L decreased to 12.2 and 12.3 per cent respectively. Meanwhile price for other SMR showed an increase with S.M.R. 5 (1.4%), S.M.R. GP (1.5%), S.M.R. 10 (1.5%) dan S.M.R. 20 (1.5%).

The movement of global prices as reported by World Bank Commodity Price Data showed the prices for TSR 20 and SGP/MYS type rubber declined 0.4 per cent (from USD1.64/kg to USD1.63/kg) and 12.0 per cent (from USD2.12/kg to USD1.87/kg) respectively. Conversely, the crude oil prices rose from 71.8 USD/bbl in June 2021 to 73.3 USD/bbl in July 2021. Meanwhile the price of natural gas in the U.S.A also increased from 3.24 USD/mmbtu to 3.79 USD/mmbtu in July 2021.

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

Chart 1 : Production and domestic consumption of natural rubber July 2020, June - July 2021 ('000 tonnes)





Chart 2 : Imports and exports of natural rubber July 2020, June - July 2021 ('000 tonnes)



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

14 SEPTEMBER 2021